Faculty of Cognitive Science and Human Development

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP KEBERKESANAN PEMBELAJARAN SECARA ONLINE: SATU KAJIAN KES DI SEBUAH INSTITUT PENGAJIAN TINGGI SARAWAK

Lau Lee Wang

TK
5105.875
I57
L366
2003

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2003

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Pembelajaran Secara Online: Satu Kajian Kes Di Sebuah Institut Pengajian Tinggi Sarawak**

SESI PENGAJIAN: **2002/2003**

Saya **LAU LEE WANG** mengaku membenarkan tesis* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institut pengajian tinggi
5. ** sila tandakan (✓)

[ ]	SULIT	(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)
[ ]	TERHAD	(mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)
[✓]	TIDAK TERHAD	

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:
No.32, Jalan Tan Sri,
96000 Sibu,
Sarawak.

Tarikh: 20/3/03

Tarikh: 20/3/2003

Catatan: *Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
94300 Kota Samarahan

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP KEBERKESANAN PEMBELAJARAN SECARA ONLINE: SATU KAJIAN KES DI SEBUAH INSTITUT PENGAJIAN TINGGI SARAWAK

P KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS
1000129712

oleh

Lau Lee Wang

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian Pembangunan Sumber Manusia
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia,
Universiti Malaysia Sarawak

Projek bertajuk 'Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Pembelajaran Secara Online: Satu Kajian Kes Di Sebuah Institut Pengajian Tinggi Sarawak' telah disediakan oleh Lau Lee Wang dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian Pembangunan Sumber Manusia.

Diterima untuk diperiksa oleh:

.....

(Cik Julia Lee Ai Cheng)

Tarikh:

20th March, 2003

PENGHARGAAN

Syukurlah kepada Tuhan kerana akhirnya saya telah berjaya menyiapkan projek tahun akhir saya dalam masa yang ditetapkan.

Terima kasih kepada pihak Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia kerana memberi peluang pembelajaran melalui projek tahun akhir.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia projek saya, Cik Julia Lee Ai Cheng atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat. Tanpa bantuan daripada beliau, projek ini mungkin tidak dapat dihasilkan dengan berjaya.

Ucapan penghargaan seterusnya ingin saya tujukan kepada Prof. Madya Dr. Peter Songan dan Cik Zaiton Hassan yang telah memberi ajaran semasa pembentangan projek tahun akhir saya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Fitri Suraya Mohammad, salah seorang ahli Unit E-pembelajaran dan Penolong Pendaftar (Unit Pengambilan dan Kemasukan), Bahagian Pengajian Prasiswazah, Universiti Malaysia Sarawak atas kesanggupan mereka dalam memberi maklumat tentang kajian saya.

Selain itu, ribuan terima kasih ingin saya ucapkan kepada semua staf di Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia atas sokongan dan kerjasama mereka sepanjang projek ini dijalankan.

Akhirnya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah memberi pertolongan dan sokongan dalam projek ini. Penghargaan juga saya tujukan kepada ahli keluarga saya yang sering memberi galakkan

Semoga jasa daripada pihak-pihak di atas dapat dihargai. Saya juga berharap dapatan projek ini dapat memberi manfaat kepada bakal pengkaji dan pembaca.

Sekian, terima kasih.

Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
94300 Kota Samarahan

JADUAL KANDUNGAN

Penghargaan		iii
Jadual Kandungan		iv
Senarai Jadual		vi
Senarai Gambahrajah		viii
Abstrak		ix
Abstract		x
1.	Pengenalan	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar belakang kajian	2
	1.3 Latar belakang tempat kajian	2
	1.4 Kenyataan masalah	3
	1.5 Objektif kajian	3
	1.6 Rangka konseptual kajian	4
	1.7 Hipotesis nul kajian	4
	1.8 Kepentingan kajian	5
	1.9 Definisi istilah	5
	1.10Limitasi kajian	7
2.	Kajian semula penulisan	
	2.1 Pengenalan	8
	2.2 Konsep persepsi	8
	2.3 Konsep pembelajaran secara online	11
	2.4 Model penyebaran inovasi Everett Roger	14
	2.5 Konsep keberkesanan pembelajaran secara online	15
	2.6 Kajian lepas tentang persepsi pelajar terhadap pembelajaran secara online	16
	2.7 Kajian lepas tentang pembolehubah tidak bersandar terhadap persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online	16
	2.8 Kesimpulan	18
3.	Metodologi	
	3.1 Pengenalan	19
	3.2 Rekabentuk kajian	19
	3.3 Lokasi kajian	20
	3.4 Populasi dan sampel	20
	3.5 Instrumen kajian	21
	3.6 Ujian rintis	23
	3.7 Pengumpulan data	24
	3.8 Penganalisisan data	24
	3.9 Kesimpulan	26

4. Hasil Kajian dan Perbincangan
4.1 Pengenalan 27
4.2 Taburan frekuensi demografi responden 27
4.3 Pengukuran kategori persepsi pelajar terhadap pembelajaran secara online 28
4.4 Persepsi pelajar terhadap keberkesanan pemhelajaran secara online 29
4.5 Ujian hipotesis nul 31
4.6 Ringkasan keputusan pengujian ke atas hipotesis nul kajian 34
4.7 Perbincangan 35
4.8 Kesimpulan 35

5. Ringkasan, Kesimpulan dan Cadangan
5.1 Pengenalan 36
5.2 Ringkasan kajian 36
5.3 Kesimpulan kajian 37
5.4 Cadangan 37

Rujukan 39

Lampiran 43

SENARAI JADUAL

Jadual 1
Saiz sampel kajian bagi pelajar Unimas tahun 1 dengan mengikut fakulti/pusat pengajian 21

Jadual 2
Nilai skor bagi skala likert 22

Jadual 3
Skala pengukuran tentang kategori persepsi pelajar 23

Jadual 4
Keputusan ujian kebolehpercayaan 23

Jadual 5
Nilai 'r' dan interprestasi perkaitan 26

Jadual 6
Taburan frekuensi responden dengan mengikut jantina 27

Jadual 7
Taburan frekuensi responden dengan mengikut fakulti/pusat pengajian 28

Jadual 8
Kategori persepsi responden terhadap keberkesanan pembelajaran secara online 28

Jadual 9
Persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online dengan mengikut setiap *item* 29

Jadual 10
Keputusan ujian-t bagi jantina 31

Jadual 11
Keputusan ujian ANOVA Sehala bagi fakulti/pusat pengajian 32

Jadual 12
Keputusan Koefisien Kolerasi Pearson bagi kemahiran komputer 32

Jadual 13
Keputusan Koefisien Kolerasi Pearson bagi penggunaan pembelajaran secara online 33

Jadual 14
Keputusan Koefisien Kolerasi Pearson bagi tanggapan pelajar terhadap ciri-ciri pengajar 33

Jadual 15
Keputusan Koefisien Kolerasi Pearson bagi tanggapan pelajar terhadap teknologi 34

Jadual 16
Ringkasan keputusan pengujian ke atas Ho1 hingga Ho6 34

SENARAI RAJAH

Rajah 1
Rangka konseptual kajian tentang persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online 4

Rajah 2
Rangka teori persepsi 10

Rajah 3
Faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi 11

Rajah 4
Model pembelajaran secara online 13

Rajah 5
Model persepsi pelajar 15

ABSTRAK

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP KEBERKESANAN PEMBELAJARAN SECARA ONLINE: SATU KAJIAN KES DI SEBUAH INSTITUT PENGAJIAN TINGGI SARAWAK

Lau Lee Wang

Tujuan projek ini adalah untuk melakukan penyiasatan awal tentang persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online sebagai alat tambahan dalam pendekatan pengajaran tradisional dan faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi tersebut. Dapatan projek ini menunjukkan bahawa pelajar Unimas mempunyai persepsi yang positif terhadap pembelajaran secara online. Kajian ini juga mendapati terdapat perbezaan persepsi dari segi jantina dan fakulti atau pusat pengajian. Selain itu, faktor-faktor lain yang terdiri daripada kemahiran komputer, penggunaan pembelajaran secara online, tanggapan terhadap ciri-ciri pengajar dan teknologi juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online.

ABSTRACT

STUDENTS' PERCEPTIONS OF THE EFFECTIVENESS OF ONLINE LEARNING: A CASE STUDY IN A HIGHER EDUCATION IN SARAWAK

Lau Lee Wang

The purpose of this project is to perform a preliminary investigation of students' perceptions of online learning. Online learning is defined as a supplementary tool to traditional learning for this project. The findings of this project indicate that students' perception of online learning is positive. This study also found that there is a difference in perception of online learning according to gender and faculty. In addition, other factors which consist of computer literacy skills, access to online learning, students' assumption of teachers' characteristics and technology are found to be significantly correlated with students' perception toward online learning.

BAB 1
PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

E-pembelajaran telah ditakrifkan sebagai pendidikan yang dibentuk dan dihantar dengan menggunakan teknologi yang berkaitan dengan komputer, Internet dan telefon dalam keadaan gabungan atau pemisahan (Chadha & Kumail, 2002). Menurut Azman dan Rozita (2002a), e-pembelajaran merupakan pembelajaran yang dijalankan dengan menjadikan sistem online sebagai medium perantaraan di antara pengajar dan pelajar. Dengan perkataan lain, mereka mendefinisikan e-pembelajaran sebagai satu kaedah pembelajaran di mana semua maklumat, seperti nota mahupun tugasan yang perlu diserahkan kepada pelajar-pelajar akan dihantar oleh pensyarah-pensyarah melalui e-mel, dan CD-ROM. Dalam konteks ini, Internet adalah kunci kepada semua pintu-pintu ilmu yang memberi manfaat.

Pada abad ke-21, satu perubahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran telah berlaku akibat daripada perkembangan teknologi dan globalisasi. Perubahan yang wujud adalah teknologi elektronik yang baru dan berkuasa telah mula diperkenalkan dalam bidang pendidikan (Dornbush, 2000). Dengan ini, universiti dan kolej seluruh dunia sedang berusaha meningkatkan penggunaan World Wide Web untuk mewujudkan keadaan e-pembelajaran yang fleksibel supaya dapat menarik lebih banyak pelajar yang tidak dapat menghadiri kursus di kampus akibat daripada pekerjaan, gaya hidup yang sibuk dan kejauhan tempat pengajian (Kum, Chang, & Bauer, 2000). Perkembangan teknologi maklumat kini juga mengubah sistem penghantaran pembelajaran tradisional di institut pengajian tinggi (O'Malley & McCraw, 1999). Media elektronik telah diintegrasikan dalam kursus tradisional sebagai alat perantaraan pembelajaran (Azman & Rozita, 2002b). Oleh itu, teknologi komputer dalam pengajaran dan pembelajaran dikatakan dapat bertindak sebagai pemangkin kepada keberkesanan sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Dalam satu kajian yang telah dijalankan oleh Encik Saree Minan, salah seorang graduan Universiti Malaysia Sarawak, didapati pembelajaran secara online akan memudahkan pendidik dalam pengajaran kerana kaedah ini dapat menarik perhatian dan minat palajar untuk mempelajari (seperti dipetik dalam Azwan & Rozita, 2002b). Beliau telah menjalankan kajian yang dinamakan *'Developing Web-Based Instructional Materials To Teach English Prepositions'* dan mendapati penggunaan *Computer Assisted Language Learning* (CALL) dapat meningkatkan teknik pengajaran guru-guru dan juga kemahiran penguasaan pelajar-pelajar dalam Bahasa Inggeris.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sejak Internet diperkenalkan dalam bidang pendidikan, kaedah penyampaian pengetahuan tradisional, iaitu daripada guru kepada pelajar dalam keadaan satu-kepada-satu atau satu-kepada-banyak telah mengalami perubahan (O'Malley & McCraw, 1999). Kaedah tradisional ini hanya kekal digunakan dalam kebanyakan program kedoktoran. Dengan ini, perjumpaan pengajar dengan pelajar dalam masa dan tempat yang ditetapkan bukan lagi kaedah penghantaraan pembelajaran yang tunggal pada masa sekarang. Namun, terdapat juga alternatif penghantaran pembelajaran lain seperti Internet, CD-ROM, dan video yang dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran.

Pendidikan di Malaysia juga mengalami perubahan akibat daripada perkembangan bidang teknologi maklumat. Penggunaan teknologi pendidikan kini diharap dapat memberikan peluang kepada semua pelajar untuk menguasai ilmu pengetahuan dengan cara yang sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara (Azwan & Rozita, 2002b). Oleh itu, Kementerian Pendidikan telah membelanjakan sejumlah peruntukan untuk melatih guru-guru dalam bidang media pendidikan.

1.3 Latar Belakang Tempat Kajian

Sistem E-pembelajaran Unimas telah diperkenalkan pada tahun 2001 dengan matlamat membangunkan keadaan e-pembelajaran di Unimas, iaitu menjadikan pembelajaran secara online sebagai satu sistem sokongan integrasi bagi setiap kursus pengajian yang ditawarkan. Untuk mencapai matlamat tersebut, Unit E-pembelajaran Unimas telah ditubuhkan untuk memainkan peranan dalam pembangunan pembelajaran menggunakan teknologi, iaitu memperkenalkan pembelajaran secara online kepada semua akademik di Unimas (Azwan & Rozita, 2002).

Pembelajaran secara online di Unimas dijalankan dengan menyediakan kursus secara online yang biasanya direkabentuk oleh seseorang pengajar kepada pelajar-pelajarnya. Pada Ogos 2001, terdapat 82 kursus secara online telah direkabentuk untuk dijadikan alat penghantaran maklumat pengajaran dan pembelajaran di samping merupakan alat komunikasi antara pengajar dengan pelajar (Fitri & Johan, 2002). Kursus secara online akan ditambahkan secara berterusan supaya mencapai harapan Unimas, iaitu mempamerkan semua kursus pengajian secara online pada akhir tahun 2003.

Menurut Fitri dan Johan (2002), model pembelajaran secara online yang diaplikasikan di Unimas bukan bertujuan untuk menggantikan hubungan bersemuka. Sebaliknya, ia direkabentuk untuk menyokong pendekatan pengajaran tradisional di Unimas. Oleh hal yang demikian, pelajar Unimas masih perlu menghadiri kuliah untuk berjumpa secara bersemuka dengan pengajar pada setiap minggu dalam setiap semester (biasanya 16 minggu bagi satu semester). Pembelajaran secara online di Unimas disediakan adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar menjalankan aktiviti pembelajaran, seperti mendapat nota, menjawab soalan-soalan tutorial dan mengadakan perbincangan secara informal pada bila-bila masa sepanjang semester.

Adaptasi pembelajaran secara online sebagai alat tambahan merupakan satu perubahan yang dilaknkan dalam pendekatan pengajaran tradisional di Unimas demi meningkatkan keberkesanan dan kualiti pendekatan pengajaran dan pembelajaran. Namun demikian, didapati sambutan terhadap penggunaan pembelajaran secara online adalah kurang menggalakkan di kalangan pelajar Unimas pada masa sekarang (Fitri Suraya

Mohammad, salah seorang ahli bagi Unit E-pembelajaran, komunikasi peribadi, Ogos 20, 2002).

1.4 Kenyataan Masalah

Pembelajaran secara elektronik telah berkembang pesat dalam bidang pendidikan (Barker, 2002). Dengan ini, Unimas menambahkan pembelajaran secara online dalam pendekatan pengajaran tradisional sejak tahun 2001 supaya dapat bersaing dengan universiti lain dalam pendidikan secara online.

Pihak pengurusan Unimas mempercayai penambahan pembelajaran secara online kepada pendekatan pengajaran tradisional dapat membentuk keadaan kerjasama dan interaksi secara online di kalangan pelajar-pelajar yang dapat memperkayakan pengalaman pembelajaran mereka. Namun, didapati sambutan pelajar terhadap penggunaannya masih pada tahap yang kurang aktif. Dengan ini, adalah diperlukan untuk mengetahui sejauh manakah persepsi pelajar Unimas terhadap keberkesanan pembelajaran secara online. Hal ini disebabkan tanggapan seseorang terhadap sesuatu perubahan secara langsungnya akan membentuk tingkah laku yang sokong atau tidak terhadap perubahan tersebut (Rogers, 1995). Kajian ini dijalankan dengan tujuan menjawab soalan-soalan berikut:-

(a) Apakah persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online?

(b) Adakah terdapat perbezaan persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online dengan berdasarkan demografi pelajar, iaitu jantina dan fakulti/pusat pengajian?

(c) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pembolehubah tidak bersandar dengan persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online? Dalam konteks ini, pembolehubah tidak bersandar merangkumi kemahiran komputer, penggunaan pembelajaran secara online, tanggapan terhadap ciri-ciri pengajar dan juga teknologi.

1.5 Objektif Kajian

1.5.1 Objektif Umum

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online sebagai alat tambahan dalam pendekatan pengajaran tradisional dan faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi tersebut.

1.5.2 Objektif Khusus

Secara khususnya, kajian ini adalah untuk mengenalpasti:-

(a) persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online,

(b) perbezaan persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online dengan berdasarkan demografi pelajar, iaitu jantina dan fakulti/pusat pengajian,

(c) perhubungan antara kemahiran komputer pelajar dengan persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online,

(d) perhubungan antara penggunaan pelajar dalam pembelajaran secara online dengan persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online,

(e) perhubungan antara tanggapan pelajar terhadap ciri-ciri pengajar dengan persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online, dan

(f) perhubungan antara tanggapan pelajar terhadap teknologi dengan persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online.

1.6 Rangka Konseptual Kajian



Rajah 1: Rangka Konseptual Kajian tentang Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Pembelajaran Secara Online

Rajah 1 merupakan rangka konseptual kajian ini yang terdiri daripada pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Pembolehubah bersandar adalah persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online. Pembolehubah tidak bersandar pula adalah demografi pelajar yang terdiri daripada jantina dan fakulti/pusat pengajian, kemahiran komputer, penggunaan pembelajaran secara online, tanggapan terhadap ciri-ciri pengajar dan juga teknologi.

1.7 Hipotesis Nul Kajian

Terdapat lima hipotesis nul (Ho) telah dibentuk berdasarkan objektif khusus dan rangka konseptual kajian ini. Antara hipotesis adalah seperti berikut:-

Ho1: Tidak terdapat perbezaan persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online dengan mengikut jantina

Ho2: Tidak terdapat perbezaan persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online dengan mengikut fakulti/pusat pengajian

Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran komputer dengan persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online

Ho4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara penggunaan pembelajaran secara online dengan persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online

Ho5: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tanggapan terhadap ciri-ciri pengajar dengan pesepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online

Ho6: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tanggapan terhadap teknologi dengan pesepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online

1.8 Kepentingan Kajian

Hasil kajian adalah penting kepada pihak pengurusan e-pembelajaran, pihak pensyarah dan pihak pengurusan Unimas. Dapatan kajian yang mendedahkan tanggapan pelajar terhadap pembelajaran secara online dapat dijadikan input atau panduan bagi pihak pengurusan e-pembelajaran Unimas, seperti Unit E-pembelajaran Unimas untuk membangunkan pembelajaran secara online yang efektif pada masa akan datang.

Selain itu, dapatan kajian yang mencerminkan tahap penerimaan pelajar terhadap pembelajaran secara online juga menyedari pihak pensyarah Unimas tentang maklum balas pelajar terhadap proses pengajaran yang menambahkan pembelajaran secara online. Maklumat sedemikian adalah salah satu faktor penting dalam perancangan pengajaran yang berkesan.

Dapatan kajian ini juga memberi manfaat kepada pihak pengurusan Unimas yang berhasrat mewujudkan kampus maya pada masa depan. Hal ini disebabkan tanggapan positif pelajar dalam pembelajaran secara online dapat meneruskan perkembangan keadaan e-pembelajaran dan berjaya membentuk sebuah universiti maya kemudian.

1.9 Definisi Istilah

1.9.1 Persepsi

Definisi Konseptual:
Persepsi merupakan satu proses di mana individu menerima dan menginteprestasi maklumat persekitaran (Kretch & Cruthfield, 1969).
Definisi Operasional:
Persepsi individu merupakan perlakuan yang melibatkan penafsiran dan penilaian tentang apa yang dilihat, didengar, dialami atau dibaca dengan melalui proses minda secara subjektif dan relatif. Persepsi kerap akan mempengaruhi tingkah laku, percakapan dan perasaan seseorang.

1.9.2 Keberkesanan

Definisi Konseptual:
Menurut Kamus Dewan (1996), keberkesanan adalah perihal berkesan, iaitu keadaan menimbulkan hasil yang diharapkan, membawa kepada sesuatu perubahan atau perkembangan.

Definisi Operasional:
Keberkesanan adalah pengaruh positif daripada penggunaan pembelajaran secara online. Dalam konteks kajian ini, keberkesanan pembelajaran secara online meliputi dimensi-dimensi yang terdiri daripada peningkatan pencapaian akademik, penglibatan, *cognitive engagement*, kecekapan diri, kebergunaan, dan kelebihan dalam pembelajaran secara online.

1.9.3 Pembelajaran Secara Online

Definisi Konseptual:
Pembelajaran secara online sebagai subset kepada e-pembelajaran yang menjalankan aktiviti pembelajaran melalui media elektronik (Jelliffe, Ritter, & Stevens, 2001).
Definisi Operasional:
Pembelajaran secara online merujuk kepada kursus secara online yang dijadikan alat tambahan dalam pendekatan pengajaran tradisional. Dalam konteks ini, pelajar-pelajar dikehendaki melayari kursus secara online tertentu pada bila-bila masa untuk menghadiri aktiviti pembelajaran, seperti tutorial, perbincangan online dan memperolehi sumber sekunder pelajaran sepanjang semester pengajian.

1.9.4 Pendekatan Pengajaran Tradisional

Definisi Konseptual:
Menurut O'Malley dan McCraw (1999), pendekatan pengajaran tradisional adalah proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan dengan mengikut kelas, iaitu profesor memberi kuliah dan pelajar dikehendaki mendengar serta mencatat nota untuk ulangkaji kemudian.
Definisi Operasional:
Pendekatan pengajaran tradisional adalah penyampaian maklumat (kuliah) daripada pensyarah-pensyarah dan para pelajar dikehendaki mendengar, mengambil nota serta diberi peluang untuk menanyakan soalan-soalan.

1.9.5 Demografi Pelajar

Definisi Konseptual:
Menurut Kamus Dewan (1996), demografi adalah sifat atau tanda individu yang berbeza antara satu sama lain. Pelajar pula adalah orang yang sedang mengkaji di sesebuah institut pengajian.
Definisi Operasional:
Demografi pelajar dalam kajian ini meliputi jantina dan fakulti/pusat pengajian.

1.9.6 Kemahiran Komputer (Literasi dan Kecekapan)

Definisi Konseptual:
Simonson, Maurer Monta-Taradi dan Whitaker (1987) mendefinisikan kecekapan komputer sebagai pengetahuan tentang sifat, kebolehan dan aplikasi komputer serta kebolehan pengguna untuk menggunakan pengetahuan ini secara produktif.

Definisi Operasional:
Dalam konteks kajian ini, kemahiran komputer adalah literasi dan kecekapan pelajar dalam penggunaan komputer.

1.9.7 Penggunaan Pembelajaran Secara Online

Definisi Konseptual:
Penggunaan adalah perbuatan atau kegiatan dalam menggunakan sesuatu (Kamus Dewan, 1996).
Definisi Operasional:
Penggunaan pembelajaran secara online dalam kajian ini didefinisikan sebagai frekuensi, kekerapan dan tempoh pelajar-pelajar dalam menggunakan pembelajaran secara online yang disediakan.

1.9.8 Ciri-ciri pengajar

Definisi Konseptual:
Ciri-ciri pengajar adalah sifat atau tanda individu yang bertindak sebagai penasibat, mentor, penolong, dan kaunselor (Atan, 1983).
Definisi Operasional:
Dalam kajian ini, ciri-ciri pengajar pula merangkumi sikap pengajar terhadap teknologi, gaya pengajaran, dan pengawalan terhadap teknologi.

1.9.9 Teknologi

Definisi Konseptual:
Dalam Kamus Dewan (1996), teknologi adalah aktiviti yang menggunakan pengetahuan Sains untuk tujuan praktis dalam pendidikan, industri, pertainan, perubatan, peniagaan dan lain-lain.
Definisi Operasional:
Dalam konteks kajian ini, teknologi merujuk kepada rekabantuk pembelajaran secara online. Aspek yang meliputi adalah merangkumi kesenangan akses dan melayari, antaramuka, komunikasi dua bala.

1.10 Limitasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Unimas sahaja, maka hasil kajian tidak boleh digeneralisasikan untuk menerangkan persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online di institut pengajian tinggi lain. Format *item* dalam borang soal selidik hanya menggunakan skala Likert telah menyebabkan responden tidak dapat meluahkan pendapat mereka secara bebas. Selain itu, hanya terdapat lima faktor dipilih sebagai pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini. Faktor-faktor lain, seperti keperluan, minat dan motivasi juga boleh dipilih sebagai pembolehubah tidak bersandar.

Tumpuan kajian ini adalah persepsi pelajar. Oleh itu, hasilan kajian adalah lebih merupakan pemetaan pemikiran pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online. Satu masalah yang mungkin dihadapi adalah kesukaran menentukan sama ada persepsi yang diperolehi adalah cenderung kepada pengalaman atau pengetahuan semata-mata.

BAB 2
KAJIAN SEMULA PENULISAN

2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan elemen-elemen penting yang akan dijadikan panduan asas sepanjang kajian. Antaranya melibatkan:-

- Konsep persepsi, rangka teori persepsi dan faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi,
- Konsep, kelebihan dan model pembelajaran secara online,
- Model Penyebaran Inovasi Everett Roger,
- Konsep keberkesanan pembelajaran secara online,
- Kajian lepas tentang persepsi pelajar terhadap pembelajaran secara online, dan
- Kajian lepas tentang pembolehubah tidak bersandar yang berhubungkait dengan persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara online.

2.2 Konsep Persepsi

Persepsi merupakan salah satu aspek psikologi kognitif. Menurut Solso (1995), persepsi adalah cabangan daripada psikologi kognitif yang meliputi tahanan dan interpretasi tentang deria perangsang. McBurney (1977) pula berpendapat persepsi adalah tindak balas organisma kepada objek persekitaran dengan mengikut peraturan tingkah lakunya. Davidoff mendefinisikan persepsi sebagai satu proses yang mengurus dan menginterprestasikan data deria yang diterima supaya meningkatkan kesedaran terhadap persekitaran dan diri sendiri (seperti dipetik dalam Sanggin, 1993). Bagi Jaafar Muhammad (1997), persepsi adalah penilaian individu terhadap orang lain, persekitaran dan juga sesuatu kejadian. Menurut beliau, terdapat lima tahap dalam proses pembentukan persepsi individu, iaitu penerimaan maklumat, pemprosesan maklumat, adaptasi pengaruh luaran dan dalaman, penghasilan output, dan akhirnya bereaksi terhadap apa yang dilihat, didengar, dibaca dan dialami.

Schiffman (1990) pula mengatakan bahawa persepsi adalah merujuk kepada proses psikologi yang meliputi maksud, pengalaman lepas, ingatan atau pertimbangan. Sekular dan Blake (1990) pula menegaskan pemahaman persepsi yang menyeluruh perlu merangkumi penjelasan pengalaman lepas individu. Oleh itu, persepsi adalah proses untuk menginterpretasi pancaindera yang diransang di mana merangkumi pengalaman kesedaran, memori dan pengadilan individu.

Sekular dan Blake (1990) juga menyatakan kajian persepsi dapat meningkatkan kefahaman mengenai jenis persepsi yang diminta oleh deria manusia. Selain itu, penyelidikan tentang persepsi juga membolehkan individu membentuk alat untuk

memastikan pencapaian prestasi persepsi yang optimum. Kajian persepsi juga dapat membantu individu untuk memperbaiki fungsi deria.

Secara ringkasnya, persepsi melibatkan pandangan, pemerhatian dan panaksiran seseorang terhadap maklumat yang diterima. Oleh itu, persepsi adalah satu proses gerak balas yang menyeluruh terhadap rangsangan yang membolehkan individu menyedari, memahami dan memberi makna kepada rangsangan tersebut. Dalam erti kata lain, persepsi merupakan proses di mana manusia membuat penilaian yang subjektif terhadap orang lain dengan merujuk kepada apa yang mampu diperhatikan dan diminati. Dengan ini, kajian persepsi perlu diteruskan demi membentuk persepsi yang lebih objektif.

2.2.1 Rangka Teori Persepsi

Proses pembentukan persepsi manusia (seperti di Rajah 2) merupakan satu proses yang berperingkat secara terus (Trenholm, 1986). Antaranya merangkumi lima peringkat, iaitu:-

(a) Peringkat 1: Perhatian
Proses ini merupakan proses pemerhatian secara khusus terhadap tingkah laku individu dengan berdasarkan deria rangsangan dan tujuan, nilai serta pengalaman individu.

(b) Peringkat 2: *Snap-Judgement*
Proses ini adalah digunakan untuk menentukan tingkah laku seseorang secara objektif dengan berpandukan pengalaman lepas atau sterotaip budaya. Sekiranya *Snap-Judgement* adalah bersifat positif, maka proses pembetukan persepsi akan dilanjutkan kepada atribusi yang terdiri daripada atribusi dalaman dan luaran. Atribusi dalaman adalah penerangan mengenai tingkah laku diri sendiri, seperti perubahan emosi, ragam, fikiran dan sikap. Namun, atribusi luaran pula adalah menjelaskan tingkah laku individu lain, seperti menunjukkan gaya yang luar biasa.

(d) Peringkat 3 dan 4: Implikasi *Trait* dan Pembentukan Impresi.
Kedua-dua proses berikut adalah saling berkait. Implikasi *trait* adalah sesuatu *trait* yang dapat membayangkan sifat-sifat individu tertentu. Pembentukan impresi pula merupakan proses penyusunan persepsi bagi seseorang terhadap *trait*. Sebagai contoh, seseorang yang suka menderma wang kepada institut kebajikan boleh dianggap dia adalah baik hati dan belas kasihan.

(e) Peringkat 5: Ramalan
Proses ini meliputi ramalan terhadap tingkah laku tertentu dan menentukan persepsi dalam minda.



Rajah 2: Rangka Teori Persepsi
Sumber: Trenholm, S. (1986). *Human communication theory*. New Jersey: Prentice-Hall

2.2.2 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Persepsi

Secara umumnya, persepsi wujud setelah individu mengalami proses-proses kognitif yang dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman dan luaran yang berbeza antara satu sama lain. Chung dan Megginson (1981) yakin faktor-faktor luaran, seperti saiz, pergerakan, status, penampilan dan faktor-faktor dalaman, seperti keperluan, pengalaman lepas, konsep kendiri dan personaliti akan mempengaruhi proses persepsi seseorang.

Menurut Severin dan Tankard (1997), Brydon dan Scott (1997) dan Rice (1993) pula, faktor luaran yang mempengaruhi proses persepsi adalah latar belakang, keluasan, kehebatan, kebenaran, pertentangan, sesuatu yang luar biasa, ulangan, halaju, dan rangsangan bersyarat. Selain itu, faktor dalaman pula adalah motivasi, minat, keperluan dan tanggapan. Faktor-faktor sedemikian menyebabkan wujud perbezaan persepsi antara satu sama lain. Perbezaan persepsi sebegini boleh mendatangkan masalah apabila membuat sesuatu keputusan (Jaafar Muhammad, 1977). Dengan ini, Hockberg (1978) menekankan kehadiran pembolehubah sosial adalah penting dalam membentuk persepsi seseorang yang relatif dan objektif.

Secara ringkasnya, faktor-faktor luaran dan dalaman yang mempengaruhi persepsi individu dapat dirumuskan seperti rajah berikut:-



Rajah 3: Faktor-faktor yang mempengaruhi Persepsi

2.3 Konsep Pembelajaran Secara Online

Menurut Khan (1997), pembelajaran secara online adalah subset kepada e-pembelajaran dan dianggap sebagai satu sistem pembelajaran dan penghantaran arahan yang unik dan boleh digunakan oleh pihak pengajar untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran (seperti dipetik dalam Hong & Lai, 2001). Menurut Azman dan Rozita (2002), pembelajaran secara online merupakan satu kaedah baru dengan tujuan mempersembahkan ilmu dari pelbagai persepktif yang mampu dicipta oleh setiap individu, dalam usaha untuk menambah pengalaman pembelajaran. Kaedah pembelajaran sedemikian juga memberi peluang kepada pelajar dalam menentukan topik, tempat dan masa pembelajaran masing-masing.

Menurut Jelliffe et al. (2001), pembelajaran secara online merupakan proses pembelajaran yang dijalankan dengan menghantar dan menerima satu himpunan material pembelajaran yang lengkap melalui media elektronik. Pembelajaran secara online terdiri daripada tiga komponen penting, iaitu:-

(1) *Server* yang berfungsi sebagai alat penghantaran,
(2) laman web untuk menerima maklumat pembelajaran, dan
(3) *Transmission Control Protocal/ Internet Protocol* (TCP/IP) dan *HyperText Transfer Protocol* (HTTP) yang berperanan dalam pertukaran maklumat.

Jelliffe et al. juga mengkategorikan pembelajaran secara online kepada *asynchronous* dan *synchronous*. Keadaan *asynchronous* adalah interaksi antara pengajar dengan pelajar-pelajar melalui pengadaan forum secara perkomputeran pada masa yang

berlainan. Sebaliknya, proses interaksi yang dijalankan pada suatu masa yang sama tanpa batasan tempat pula dikenali sebagai keadaan *synchronous*.

Finder dan Raleigh (1998) pula menjelaskan empat kaedah yang dapat digunakan untuk mengaplikasikan laman web dalam pengajaran dan pembelajaran (seperti dipetik dalam Kum et al., 2000). Antaranya merangkumi:-

(1) Penyampaian maklumat (*informational*),
Kaedah ini adalah bertujuan menjadikan maklumat kursus, seperti sinopsis dan arahan tugasan secara online.

(2) Sebagai tambahan (*supplemental*),
Penggunaan laman web sebagai tambahan adalah meminta pelajar melayari laman web tertentu sebagai sebahagian aktiviti pembelajaran dalam pendekatan pengajaran tradisional. Bahan pembelajaran yang dihantar melalui laman web biasanya adalah sumber sekunder.

(3) Sebagai sandaran (*dependent*), dan
Apabila laman web dijadikan sebagai sandaran, bahan pembelajaran akan wujud dalam laman web dan pelajar dikehendaki menggunakannya untuk menyiapkan tugasan.
Dibangun sepenuhnya (*fully developed*).
Setelah kaedah dibangun sepenuhnya diaplikasi, sesuatu kursus akan dihantar dengan laman web untuk menggantikan perjumpaan secara bersemuka antara pengajar dengan pelajar.

2.3.1 Kelebihan-kelebihan Pembelajaran Secara Online

Terdapat beberapa kelebihan dalam keadaan penggunaan laman web sebagai pengajaran dan pembelajaran (Jelliffe et al.). Antaranya merangkumi:-

- Pembelajaran secara online boleh menghantar pembelajaran tanpa batasan masa dan tempat.
- Kaedah pembelajaran dan pengajaran sedemikian dapat menambahkan elemen komunikasi.
- Material pembelajaran yang digunakan adalah lebih mudah diperbarukan kepada maklumat terkini.
- Pembelajaran ini boleh meningkatkan bilangan komunikasi antara pelajar-pelajar dengan pengajar.
- Ia juga membolehkan pelajar-pelajar membentuk komuniti masyarakat yang formal dan tidak formal.
- Pembelajaran ini membenarkan perlaksanaan pembelajaran berasaskan masalah atau tugasan.
- Ia menggunakan sumber Internet dengan sepenuhnya di samping membentangkan kandungan yang bersifat sebenar.
- Pembelajaran sedemikian juga merangkumi pelbagai media, iaitu teks, grafik, audio, video, dan animasi dalam material pembelajaran.